



# SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

DIKEMASKINI : 18 FEBRUARI 2021

## Aktiviti dibenarkan

- Sektor ekonomi yang dibenarkan
- Membeli/mendapatkan barang keperluan
- Mendapatkan rawatan kesihatan & perubatan
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan tugas kehakiman

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan rentas daerah dalam kawasan PKP dan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 64/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

| Waktu Berkuat Kuasa          | 24 Jam   | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Bersyarat |
|------------------------------|--|---------------------------|--|---------------------|-----------|
| <b>AKTIVITI DAN PROTOKOL</b> |  |                           |  |                     |           |
| Tindakan                     | Penerangan Ringkas   |                           |  |                     |           |
| Kawasan Terlibat             | <b>WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, SELANGOR, JOHOR DAN PULAU PINANG</b>  |                           |  |                     |           |
| Tempoh Kuat Kuasa            | <b>19 Februari 2021</b> (mulai 12:01 pagi) sehingga <b>4 Mac 2021</b> (11:59 malam)  |                           |  |                     |           |
| Kawalan Pergerakan           | <ul style="list-style-type: none"> <li>• PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM &amp; RELA. Laluan keluar masuk kawasan PKP <b>ditutup dan dikawal</b> kemasukan oleh PDRM.</li> <li>• Bilangan penumpang dalam kenderaan persendirian adalah mengikut kapasiti kenderaan bagi mendapatkan perkhidmatan jagaan kesihatan atau perubatan, mendapatkan bekalan makanan, ubat, penokok diet, keperluan asas dan keperluan harian dalam daerah yang sama dengan kediamannya atau daerah paling hampir dengan kediamannya sekiranya bekalan keperluan tersebut tiada di kawasan tersebut.</li> <li>• Bilangan orang yang dibenarkan di dalam kenderaan membawa barang serta rantaian aktiviti ekonomi/industri bergantung kepada lesen pendaftaran kenderaan perdagangan.</li> <li>• Pergerakan kenderaan persendirian, jabatan Kerajaan atau syarikat swasta <b>bagi tujuan pergi dan balik dari tempat kerja</b> atau menjalankan urusan rasmi kerajaan adalah bergantung kepada kapasiti tempat duduk kenderaan tersebut.</li> <li>• Pergerakan bagi operasi dan perkhidmatan awam serta swasta adalah bergantung kepada kapasiti tempat duduk kenderaan tersebut.</li> <li>• Kebenaran rentas negeri dibenarkan bagi pasangan suami isteri jarak jauh dengan mendapatkan kebenaran PDRM.</li> <li>• Lain-lain pergerakan yang dibenarkan dalam SOP ini.</li> </ul> |                           |  |                     |           |



## SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

DIKEMASKINI : 18 FEBRUARI 2021

**Aktiviti dibenarkan**

- Sektor ekonomi yang dibenarkan
- Membeli/mendapatkan barang keperluan
- Mendapatkan rawatan kesihatan & perubatan
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan tugas kehakiman

**Aktiviti tidak dibenarkan**

- Pergerakan rentas daerah dan rentas negeri dalam kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM

**Arahan Tetap**

- Peraturan 16 P.U. (A) 64/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

| Waktu Berkuat Kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Bersyarat |
|---------------------|--------|---------------------------|--|---------------------|-----------|
|---------------------|--------|---------------------------|--|---------------------|-----------|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan           | Penerangan Ringkas  |
|--------------------|---|
| Kawalan Pergerakan | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar dan calon yang menduduki Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2020 dan 2021, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Vokasional Malaysia (SVM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Vokasional Malaysia (DVM), Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus untuk Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 dan peperiksaan antarabangsa yang setara dibenarkan hadir ke sekolah merentasi kawasan PKP atau PKPB atau PKPP mengikut takwim persekolahan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dengan dokumen pengesahan daripada KPM dan pergerakan pergi dan balik ke sekolah boleh ditemani oleh seorang penjaga.</li> <li>• Kolej matrikulasi dibenarkan dalam tempoh PKP. Pelajar yang berada di sekolah berasrama / universiti / institusi dibenarkan untuk berada di sekolah berasrama/ universiti/ institusi tersebut dan meneruskan pembelajaran secara hibrid.</li> <li>• Peperiksaan antarabangsa dan badan profesional serta aktiviti penyelidikan yang memerlukan kemudahan makmal di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) <b>dibenarkan</b> mengikut SOP IPT berkenaan dan pergerakan perlu disertai dengan pengesahan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) atau IPT berkaitan.</li> <li>• Pergerakan pensyarah/guru/tenaga pengajar bagi tujuan Pengajaran dan Pembelajaran kelas-kelas yang terlibat dalam peperiksaan <b>dibenarkan</b> dengan pengesahan daripada KPM dan KPT.</li> <li>• Pergerakan bagi kemasukan pelajar-pelajar ke asrama bagi kelas-kelas peperiksaan yang ditetapkan oleh KPM dan KPT adalah <b>dibenarkan</b> dengan pengesahan daripada KPM dan KPT.</li> <li>• Pelajar yang berkeperluan perlu mendapatkan surat kebenaran pergerakan bagi merentas negeri atau daerah untuk pulang ke kampus dari IPT berkenaan.</li> <li>• Pergerakan dalam/keluar-masuk kawasan PKP bagi kes kecemasan seperti kematian <b>dibenarkan</b> setelah mendapatkan kebenaran daripada PDRM.</li> <li>• Pergerakan dalam/keluar-masuk kawasan PKP bagi kes kecemasan seperti bencana alam <b>dibenarkan</b>.</li> <li>• Pergerakan bantuan bencana/kemanusiaan oleh NGO perlu mendapatkan kebenaran dari Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri atau Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah di kawasan yang terjejas dengan bencana dan bantuan tersebut disalurkan melalui Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) di kawasan tersebut.</li> <li>• Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Parlimen <b>dibenarkan</b> merentas daerah dan negeri masing-masing dalam tempoh PKP dengan tujuan urusan rasmi atau melawat kawasan.</li> <li>• PCA dan RGL antara Malaysia dan Singapura diteruskan berdasarkan perjanjian yang telah dipersetujui.</li> </ul> |



# SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

DIKEMASKINI : 18 FEBRUARI 2021

## Aktiviti dibenarkan

- Sektor ekonomi yang dibenarkan
- Membeli/mendapatkan barang keperluan
- Mendapatkan rawatan kesihatan & perubatan
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan tugas kehakiman

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan rentas daerah dan rentas negeri dalam kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 64/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

| Waktu Berkuat Kuasa  | 24 Jam   | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Bersyarat |
|--|--|---------------------------|--|---------------------|-----------|
| <b>AKTIVITI DAN PROTOKOL</b>                                       |  |                           |  |                     |           |
| Tindakan   | Penerangan Ringkas   |                           |  |                     |           |
| Aktiviti Dalam Kawasan PKP   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Restoran, kedai / gerai makan, kenderaan bersaji (<i>food truck</i>), penjaja tepi jalan, penjaja beredara, medan selera / pusat penjaja, gerai makan tepi jalan / kiosk DIBENARKAN beroperasi antara 6.00 pagi hingga 10.00 malam.</li> <li>• Aktiviti penjualan makanan <b>dibenarkan secara <i>dine-in</i>, bawa pulang, pandu lalu atau penghantaran</b> bermula jam 6:00 pagi sehingga 10:00 malam. <i>Dine-in</i> dibenarkan mengikut kapasiti meja dengan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter antara pelanggan.</li> <li>• Kedai runcit dan kedai serbaneka dibenarkan beroperasi antara 6.00 pagi hingga 10.00 malam.</li> <li>• Hospital, klinik dan makmal perubatan boleh beroperasi sehingga 24 jam atau mengikut lesen kebenaran beroperasi.</li> <li>• Kedai farmasi boleh beroperasi dari jam 6:00 pagi hingga 10:00 malam.</li> <li>• Kedai keperluan harian boleh beroperasi dari jam 6:00 pagi hingga 10:00 malam.</li> <li>• Stesen Minyak boleh beroperasi dari jam 6:00 pagi sehingga 10:00 malam kecuali stesen minyak di lebuhraya boleh beroperasi sehingga 24 jam.</li> <li>• Pasar harian, pasar tani, pasar awam dan pasar minggu boleh beroperasi dari jam 7:00 pagi hingga 2:00 petang.</li> <li>• Pasar malam boleh beroperasi dari jam 4:00 petang hingga 10:00 malam dengan pematuhan SOP dan pengawasan anggota RELA atau PBT.</li> <li>• Pasar Borong boleh beroperasi dari jam 12:00 pagi sehingga 6:00 pagi dan 11:00 pagi sehingga 4:00 petang.</li> <li>• Klinik dan Kedai Makanan Haiwan dibenarkan beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam.</li> <li>• Kedai dobi, kedai cermin mata, pusat cuci kereta, kedai gunting rambut dan salun (perkhidmatan gunting rambut sahaja) dibenarkan beroperasi dari jam 6:00 pagi hingga 10:00 malam.</li> <li>• Kedai dobi layan diri perlu memastikan pekerja berada di premis dengan mematuhi SOP yang ditetapkan.</li> <li>• Lain-lain aktiviti yang diberikan kelulusan oleh Kementerian/ Agensi/ PBT dibenarkan beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam.</li> </ul> |                           |  |                     |           |
| Kebenaran operasi dan pergerakan bagi perkhidmatan awam dan swasta | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua sektor ekonomi dan perniagaan yang diluluskan oleh Kementerian/ Agensi yang berkaitan boleh beroperasi dalam tempoh PKP. Pergerakan pekerja adalah tertakluk kepada pendaftaran/ surat kelulusan beroperasi dan pas pekerja/surat pengesahan majikan.</li> <li>• Pergerakan urusan rasmi Kerajaan perlu disertai oleh dokumen pengesahan majikan.</li> <li>• Kapasiti kehadiran pekerja bagi perkhidmatan awam berdasarkan kepada Pekeling/ Arahan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Manakala bagi sektor swasta berdasarkan kepada 30% bagi Kumpulan Pengurusan dan jumlah pekerja operasi/ sokongan ditetapkan oleh majikan.</li> </ul>  |                           |  |                     |           |

# SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

DIKEMASKINI : 18 FEBRUARI 2021

## Aktiviti dibenarkan

- Sektor ekonomi yang dibenarkan
- Membeli/mendapatkan barang keperluan
- Mendapatkan rawatan kesihatan & perubatan
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan tugas kehakiman

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan rentas daerah dan rentas negeri dalam kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 64/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

| Aktiviti dibenarkan | Waktu Berkuat Kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Bersyarat |
|---------------------|---------------------|--------|---------------------------|--|---------------------|-----------|
|---------------------|---------------------|--------|---------------------------|--|---------------------|-----------|

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan                | Penerangan Ringkas   |
|-------------------------|--|
| Protokol Kesihatan Umum | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemegang lesen dan pemilik premis memastikan kawalan keluar masuk pelanggan ke premis dengan penjarakan fizikal 1 meter.</li> <li>• <i>Hand sanitizer</i> disediakan di pintu masuk dan dipastikan penggunaannya sebelum masuk.</li> <li>• Pemegang lesen dan pemilik premis diwajibkan menyediakan kemudahan QR code MySejahtera dan menyediakan buku pendaftaran kehadiran pelanggan.</li> <li>• Penggunaan aplikasi MySejahtera diwajibkan di kawasan capaian internet yang luas. Pengecualian diberikan bagi kawasan-kawasan yang tidak mempunyai capaian internet khususnya di kawasan kampung dan pedalaman.</li> <li>• Pemegang lesen dan pemilik premis memastikan pelanggan <i>check in</i> premis menggunakan MySejahtera atau menulis secara manual nama dan no. telefon serta mengimbas suhu badan. Suhu badan melebihi 37.5 darjah Celcius adalah <b>TIDAK DIBENARKAN</b> memasuki premis. Pihak pemilik premis perlu memastikan hanya pelanggan dengan status “Low Risk” dalam MySejahtera, sahaja yang dibenarkan masuk ke premis masing-masing.</li> <li>• Pemegang lesen dan pemilik premis menghadkan bilangan pelanggan berada di premis dengan penjarakan fizikal 1 meter radius dalam sesuatu masa dan memaparkan jumlah maksimum pelanggan yang berada dalam premis.</li> <li>• Pekerja, pembekal dan pelanggan diwajibkan memakai pelitup muka dengan betul mengikut saranan KKM ketika berada di premis.</li> <li>• Memastikan ventilasi dan sistem pengudaraan yang baik di premis.</li> <li>• Diwajibkan memakai pelitup muka terutama apabila berada di tempat awam yang sesak <b>KECUALI</b> bagi aktiviti dan tempat seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Kediaman sendiri dan melibatkan ahli isi rumah;</li> <li>b. Bilik Hotel/Penginapan Berbayar Bersendirian dan melibatkan ahli isi rumah;</li> <li>c. Ruang kerja bersendirian;</li> <li>d. Aktiviti sukan &amp; rekreasi <i>Indoor</i> dan <i>Outdoor</i>;</li> <li>e. Kenderaan sendiri dan melibatkan ahli isi rumah;</li> <li>f. Kawasan dan tempat awam <i>indoor / outdoor</i> tanpa ada individu lain; dan</li> <li>g. Sewaktu makan dan minum di tempat awam tanpa ada individu lain.</li> </ul> </li> </ul> |



# SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

DIKEMASKINI : 18 FEBRUARI 2021

## Aktiviti dibenarkan

- Sektor ekonomi yang dibenarkan
- Membeli/mendapatkan barang keperluan
- Mendapatkan rawatan kesihatan & perubatan
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan tugas kehakiman

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan rentas daerah dan rentas negeri dalam kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 64/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

| Waktu Berkuat Kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Bersyarat |
|---------------------|--------|---------------------------|--|---------------------|-----------|
|---------------------|--------|---------------------------|--|---------------------|-----------|

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan  | Penerangan Ringkas  |
|---|---|
| Mesyuarat   | Mesyuarat bersemuka agensi Kerajaan dan swasta melibatkan kehadiran wakil agensi luar <b>TIDAK DIBENARKAN</b> dan perlu dilaksanakan secara sidang video.   |
| Aktiviti Keagamaan  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti agama Islam seperti Solat Jumaat dan solat berjemaah di masjid / surau, majlis ilmu, akad nikah dan pengkebumian adalah <b>DIBENARKAN</b> mengikut ketetapan pihak Berkusa Agama Negeri.</li> <li>• Aktiviti Rumah Ibadat Bukan Islam adalah <b>DIBENARKAN</b> tertakluk kepada Kementerian Perpaduan Negara dan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan tertakluk kepada Kementerian Wilayah Persekutuan.</li> <li>• Upacara pernikahan (akad nikah) Islam di jabatan agama dan masjid <b>DIBENARKAN</b> dengan kehadiran mengikut ketetapan pihak Berkusa Agama Negeri.</li> <li>• Untuk pendaftaran perkahwinan bagi bukan Islam di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) <b>DIBENARKAN</b> dengan kehadiran mengikut ketetapan pihak JPN.</li> </ul> |
| Pusat Jagaan Harian, Pusat Asuhan Kanak-Kanak, TASKA, Tadika dan Tabika | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pusat asuhan kanak-kanak, taska, tabika dan tadika dibenarkan beroperasi dengan kebenaran beroperasi oleh Kementerian/Agensi berkaitan.</li> <li>• Ibubapa/penjaga yang menghantar anak-anak ke pusat jagaan kanak-kanak dibenarkan menggunakan kenderaan dengan jumlah penumpang kanak-kanak mengikut kapasiti kenderaan.</li> <li>• Pusat jagaan harian bagi Orang Kurang Upaya (OKU), Warga Emas, Wanita dan Pusat Jagaan Pelbagai dibenarkan beroperasi dalam tempoh PKP.</li> </ul>   |



# SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

DIKEMASKINI : 18 FEBRUARI 2021

## Aktiviti dibenarkan

- Sektor ekonomi yang dibenarkan
- Membeli/mendapatkan barang keperluan
- Mendapatkan rawatan kesihatan & perubatan
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan tugas kehakiman

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan rentas daerah dan rentas negeri dalam kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 64/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

| Aktiviti dibenarkan | Waktu Berkuat Kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Bersyarat |
|---------------------|---------------------|--------|---------------------------|--|---------------------|-----------|
|---------------------|---------------------|--------|---------------------------|--|---------------------|-----------|

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan                  | Penerangan Ringkas  |
|---------------------------|---|
| Aktiviti Sukan dan Riadah | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti sukan dan rekreasi yang dilakukan secara individu tanpa sentuhan dalam kawasan kejiranan (tertakluk kepada arahan kawalan pergerakan yang sedang berkuat kuasa) tanpa merentasi daerah/ negeri.</li> <li>• Aktiviti bagi tujuan kecergasan iaitu <i>jogging</i>, <i>brisk walking</i>, berbasikal, golf, aktiviti gimnasium, senaman, tenis/ badminton/ ping pong (<b>TERHAD kepada acara perseorangan manakala acara beregu DILARANG</b>) dan sukan permotoran dua roda dan empat roda.</li> <li>• Aktiviti sukan bola sepak, hoki, sepak takraw dan bola keranjang dibenarkan hanya untuk latihan kemahiran kendiri tanpa aktiviti bersentuhan, sama ada dilakukan secara individu atau berkumpulan dengan memastikan penjarakan fizikal serta berdasarkan kapasiti penggunaan yang telah dibenarkan.</li> <li>• Operasi fasiliti/ premis yang mempunyai kawalan penyeliaan sepanjang pengoperasian <b>TERHAD</b> kepada pusat kecergasan/ gimnasium, dewan badminton/ ping pong/ gelanggang tenis, padang bola sepak/ futsal/ hoki/ gelanggang sepak takraw/ bola keranjang, litar permotoran dan padang golf (termasuk <i>driving range</i>) sahaja.</li> <li>• Penggunaan fasiliti/ premis sukan hendaklah secara penjadualan dan tempahan sahaja (<b>walk-in tidak dibenarkan</b>). Jumlah pengguna di fasiliti/ premis tertutup (<i>indoor</i>) <b>TERHAD</b> kepada <b>30% kapasiti penggunaan</b> dan pengguna di fasiliti/ premis terbuka (<i>outdoor</i>) adalah mengikut ruang/ kawasan tertakluk kepada penjarakan fizikal pada satu-satu masa.</li> </ul> |



# SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

DIKEMASKINI : 18 FEBRUARI 2021

## Aktiviti dibenarkan

- Sektor ekonomi yang dibenarkan
- Membeli/mendapatkan barang keperluan
- Mendapatkan rawatan kesihatan & perubatan
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan tugas kehakiman

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan rentas daerah dan rentas negeri dalam kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 64/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

| Waktu Berkuat Kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Bersyarat |
|---------------------|--------|---------------------------|--|---------------------|-----------|
|---------------------|--------|---------------------------|--|---------------------|-----------|

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan                  | Penerangan Ringkas   |
|---------------------------|--|
| Aktiviti Sukan dan Riadah | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Program Latihan Berpusat Secara Kuarantin yang sedia ada dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara Malaysia dan Majlis-majlis Sukan Negeri berkenaan boleh dilaksanakan dengan konsep <i>“Camp Quarantined Based Training”</i> seperti yang dilaksanakan di Kompleks MSN Bukit Jalil dan Kompleks MSN Taman Keramat, K. Lumpur, Pusat Kecemerlangan Sukan Paralimpik, Kampung Pandan, K. Lumpur, Akademi Badminton Malaysia, Bukit Kiara, Pusat Latihan Kebangsaan Perahu Layar, Langkawi, Kedah, Velodrome Nasional Malaysia, Nilai, N. Sembilan dan Akademi Bola Sepak Negara Mokhtar Dahari, Gambang, Pahang.</li> <li>• Penganjuran kejohanan/ pertandingan di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mengikut model Gelembung Sukan adalah terhad bagi penganjuran Liga Bolasepak Malaysia (MFL), Liga Hoki Malaysia (MHL) dan Liga Sepak Takraw (STL) sahaja tanpa kehadiran penonton.</li> <li>• Program Latihan Pusat Berfasa bagi pasukan-pasukan dalam MFL, MHL dan STL menggunakan model Gelembung Sukan (<b><i>Sports Bubble: Home Based Training</i></b> atau <b><i>Camp Based Training</i></b>). Penginapan dan penggunaan tempat-tempat latihan adalah di dalam fasiliti yang kekal dan terkawal. Pergerakan dari penginapan ke tempat latihan hendaklah terkawal dengan pematuhan Protokol Am Individu dan Protokol Am Pengurusan dalam SOP Sektor Sukan dan Rekreasi. Kebenaran merentas negeri dan daerah bagi pemain, jurulatih dan pegawai yang terlibat dalam pertandingan atau perlawanannya hendaklah mendapat kelulusan PDRM.</li> </ul> |

# SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

DIKEMASKINI : 18 FEBRUARI 2021

## Aktiviti dibenarkan

- Sektor ekonomi yang dibenarkan
- Membeli/mendapatkan barang keperluan
- Mendapatkan rawatan kesihatan & perubatan
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan tugas kehakiman

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan rentas daerah dan rentas negeri dalam kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 64/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

| Waktu Berkuat Kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Bersyarat |
|---------------------|--------|---------------------------|--|---------------------|-----------|
|---------------------|--------|---------------------------|--|---------------------|-----------|

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan           | Penerangan Ringkas  |
|--------------------|---|
| Aktiviti Sosial    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Majlis Rasmi dan Tidak Rasmi Kerajaan dan Swasta, Majlis Sosial seperti kenduri-kendara, upacara pernikahan (akad nikah), majlis perkahwinan dan pertunangan, resepsi, majlis aqiqah, doa selamat, tahlil, sambutan ulang tahun, sambutan hari kelahiran, <i>reunion</i>, <i>retreat</i> dan lain-lain majlis sosial) adalah <b>TIDAK DIBENARKAN</b>.</li> <li>• Mesyuarat bersemuka agensi Kerajaan dan swasta melibatkan kehadiran wakil agensi luar adalah <b>TIDAK DIBENARKAN</b> dan boleh dilaksanakan secara sidang video.</li> <li>• Seminar/ Bengkel / Kursus/ Latihan/ Persidangan/Ceramah/Pameran dan aktiviti berkaitan dengan <i>Meeting, Incentives, Conventions and Exhibitions</i> (MICE) adalah <b>TIDAK DIBENARKAN</b>.</li> </ul> |
| Lain-lain Aktiviti | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Institut Memandu dan Pusat Latihan Penerbangan dibenarkan beroperasi dalam tempoh PKP berdasarkan SOP yang disediakan oleh Kementerian Pengangkutan.</li> <li>• Aktiviti memancing dibenarkan beroperasi dalam tempoh PKP berdasarkan SOP yang disediakan oleh Jabatan Perikanan Malaysia.</li> <li>• Lain-lain perkara yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.</li> </ul>  |



# SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

DIKEMASKINI : 18 FEBRUARI 2021

## Aktiviti dibenarkan

- Sektor ekonomi yang dibenarkan
- Membeli/mendapatkan barang keperluan
- Mendapatkan rawatan kesihatan & perubatan
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan tugas kehakiman

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan rentas daerah dan rentas negeri dalam kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 64/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

| Waktu Berkuat Kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Bersyarat |
|---------------------|--------|---------------------------|--|---------------------|-----------|
|---------------------|--------|---------------------------|--|---------------------|-----------|

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan  | Penerangan Ringkas   |
|---|--|
| <b>Senarai Aktiviti Yang TIDAK DIBENARKAN (Negative List)</b> |  |
| Aktiviti Ekonomi  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Operasi SPA dan refleksologi.</li> </ul>  |
| Aktiviti Hiburan  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti di kelab malam atau pub.</li> <li>• Aktiviti di taman tema, <i>indoor playground</i>, karaoke keluarga dan panggung wayang.</li> </ul>   |
| Aktiviti Sukan dan Rekreasi                                   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua aktiviti sukan dan rekreasi selain daripada aktiviti-aktiviti yang dibenarkan seperti yang dinyatakan di dalam SOP ini adalah <b>TIDAK DIBENARKAN</b>.</li> <li>• Aktiviti sukan dan rekreasi yang dijalankan melibatkan sentuhan fizikal.</li> <li>• Operasi fasiliti sukan dan rekreasi <b>SELAIN</b> daripada fasiliti/ premis yang dibenarkan. Kemudahan-kemudahan lain di fasiliti/ premis seperti <i>club house</i> (kecuali untuk pendaftaran), bilik persalinan, <i>lounge</i>, sauna dan jacuzzi.</li> <li>• Aktiviti penganjuran kejohanan/pertandingan sukan tempatan dan antarabangsa selain daripada Liga Bolasepak Malaysia (MFL), Liga Hoki Malaysia (MHL) dan Liga Sepak Takraw (STL).</li> <li>• Aktiviti massa.</li> <li>• Aktiviti yang dijalankan di fasiliti dan premis yang TIDAK ADA KAWALAN PENYELIAAN.</li> <li>• Aktiviti yang dijalankan di luar kawasan arahan pergerakan yang sedang berkuatkuasa kecuali mendapat kebenaran.</li> </ul> |

# SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

DIKEMASKINI : 18 FEBRUARI 2021

## Aktiviti dibenarkan

- Sektor ekonomi yang dibenarkan
- Membeli/mendapatkan barang keperluan
- Mendapatkan rawatan kesihatan & perubatan
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan tugas kehakiman

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan rentas daerah dan rentas negeri dalam kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM

| Waktu Berkuat Kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Bersyarat |
|---------------------|--------|---------------------------|--|---------------------|-----------|
|---------------------|--------|---------------------------|--|---------------------|-----------|

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan  | Penerangan Ringkas  |
|---|---|
| <b>Senarai Aktiviti Yang TIDAK DIBENARKAN (Negative List)</b> |   |
| Aktiviti Pelancongan  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti pelancongan ke luar/masuk kawasan PKP dan di kawasan PKPD.</li> <li>• Aktiviti pelancongan ke luar negeri oleh warganegara dan aktiviti pelancongan dalam negeri yang melibatkan pelancong asing memasuki Malaysia kecuali pelancong asing daripada negara sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri.</li> </ul> |
| Lain-lain Yang Tidak Dibenarkan                               | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan ramai orang hadir di suatu tempat sehingga menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah Kesihatan.</li> <li>• Lain-lain perkara yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.</li> </ul>   |

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 64/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan